

Senario Bahaya Yang Melibatkan Belon Udara Panas ! April 2007



Perayaan yang melibatkan belon udara panas hampir betukar kepada tragedi. Beberapa biji belon udara panas yang digunakan didapati melayang di atas sebuah kilang kimia yang berdekatan. Angin kencang yang bertiup pada waktu itu merupakan faktor utama beberapa belon untuk hilang kawalan dan terpaksa mendarat di dalam kilang kimia tersebut. Sebelum melakukan pendaratan kecemasan, belon-belon tersebut terpaksa mengelak beberapa kabel elektrik yang



berdekatan. Oleh kerana kilang tersebut mengendalikan bahan mudah terbakar, situasi bertambah bahaya kerana belon udara panas menggunakan pembakar gas untuk memanaskan udara di dalam belon.

Walaupun bagaimanapun, operator kilang and kumpulan tindakan kecemasan yang berpengalaman dapat mengendalikan situasi tersebut dengan bijak dan selamat. Mereka menggunakan pengalaman serta latihan tindakan kecemasan mereka untuk memastikan situasi adalah di bawah kawalan mereka secara efektif. Oleh itu, kesemua belon tersebut dapat dialihkan dengan selamat dan tiada kecederaan serta kemusnahan besar dilaporkan.

Tahukah Anda?

- Latihan tindakan kecemasan dan 'drill' boleh membantu anda menangani situasi-situasi kecemasan, walaupun senario kecemasan yang tertentu susah diduga. Senario kecemasan semasa 'drill' mungkin tidak akan berlaku tetapi keadaan yang hampir sama mungkin boleh berlaku. Oleh itu, 'drills' dijalankan untuk membantu setiap individu berfikir dan mengambil keputusan yang sewajarnya, sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku.



Tanggungjawab Anda!

- Ambil tahu berkenaan pelan tindakan kecemasan di tempat kerja anda. Anda digalakkan untuk mengambil bahagian dalam latihan kecemasan yang dianjurkan, supaya anda sentiasa bersedia untuk sebarang kecemasan.
- Sentiasa bersedia untuk menghadapi kecemasan terutamanya di waktu perayaan atau majlis istimewa di tempat anda. Contohnya, sebuah kilang di China telah mengambil langkah berjaga-jaga semasa perayaan Tahun Baru Cina, untuk menghadapi kemungkinan kebakaran disebabkan pembakaran mercun.
- Adakah tempat kerja anda berdekatan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti stadium sukan, taman dan lebuh raya yang biasanya dikerumuni orang semasa sebarang perayaan/majlis? Bolehkah faktor-faktor ini menjejaskan keselamatan tempat kerja anda? Bolehkah pasukan penyelamat seperti bomba tiba di tempat kerja anda pada masa yang tepat semasa kesesakan lalulintas?

Sentiasa Bersedia Untuk Menghadapi Kecemasan!